

MAKLUMAT TAMBAHAN SKMM

- Penglibatan SKMM bagi kawasan pembangunan baru adalah pada peringkat KM di mana pemohon hendaklah terlebih dahulu mendapatkan surat sokongan pembekalan perkhidmatan talian tetap dan pengesahan pelan dari pemberi kemudahan rangkaian (Network Facility Provider seperti TM, Digi, MAXIS dll. yang dilesenkan oleh SKMM).
- Pengemukaan dan pengesahan pelan infrastruktur komunikasi hendaklah diperolehi dari pemberi kemudahan rangkaian (Network Facility Provider) yang dilesenkan oleh SKMM oleh pemohon sendiri. Sesalinan pelan tersebut hendaklah didepositkan kepada SKMM sebelum pembinaan bermula.
- Sesalinan Surat Perakuan Orang Yang Mengemukakan Kepada Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia yang memperakui mematuhi *Technical Standard and Infrastructure Requirements - Part 1: Fixed Network Infrastructure, Guideline on the Provision of Basic Civil Works for Communications Infrastructure In New Development Areas*; dan *Technical Standard of In-Building Fibre Cabling for Fiber-To-The-Premise* dikepilkan bersama pengemukaan Borang B.
- Bagi pendirian menara komunikasi, kelulusan KM hendaklah diperolehi sebelum pihak PBT boleh mengeluarkan permit dan dokumen permohonan perlu dikemukakan melalui OSC.
- Pemasangan menara, struktur komunikasi atas bangunan juga memerlukan kelulusan permit dan dokumen permohonan perlu dikemukakan melalui OSC.
- Pemasangan struktur komunikasi di atas lampu limpah/pada papan iklan/minaret dan lain-lain struktur juga memerlukan kelulusan permit dan dokumen permohonan perlu dikemukakan melalui OSC.